



ANAK BULAN SYAWAL

Monograf Penentuan Aidilfitri 1443/2022

ANAK BULAN SYAWAL

MONOGRAF

PENENTUAN AIDILFITRI 1443/2022

2022/1443

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

ANAK BULAN SYAWAL

Monograf Penentuan Aidilfitri 1443/2022

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**ANAK BULAN SYAWAL : MONOGRAF PENENTUAN AIDILFITRI
1443/2022 /**

Penyusun Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi.

ISBN 978-629-97041-1-9 (hardback)

1. Islamic calendar.
2. Islamic astronomy.
3. Fasts and feasts--Islam.
4. Electronic books.

I. Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi.

529.327

Penyusun	Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi
Pengumpul Bahan	Khairul Anuar Yazid, Hardi Mohamad Sadali, Mohamad Faizal Jani
Reka Bentuk Kulit Buku	Amira Marwaty Ahmad Mokhtar
Pembaca Pruf	Nur Aina Mohd Sufian

Diterbitkan oleh:

Persatuan Jurufalak Syarie

J2-09-02, PPAM Jintan, Jalan Kandis P16, 62100, Wilayah Persuktuan,
Putrajaya 62100 Putrajaya Wilayah Persekutuan (Putrajaya)

Isi Kandungan

Isi Kandungan	I-II
Prakata	III-IV
Biodata Penyumbang	V-VIII
	Halaman
Prolog Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi	1-8
Tarikh Awal Puasa Berbeza Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi	9-18
Meriahnya Raya 1443/2022 Shahril Azwan Hussin	19-24
Bersedia Untuk Kemungkinan Hari Raya Lebih Awal Mustafa Din Subari	25-28
Cerapan Anak Bulan Dibantu Data Dari Sumber Diiktiraf Ahmad Irfan Ikmal Hisham	29-32
Bila Terbiasa Rujuk Kalendar Kuda Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi	33-36
Takwim Sebagai Mekanisme Agama, Sains dan Budaya Baharrudin Zainal	37-44
Cabaran Pelaksanaan Takwim Hijri Serantau dan Global Mohd Zambri Zainuddin	45-68

Sisipan

Berita Palsu Balai Cerap Al-Khawarizmi (Jabatan Mufti Melaka)	69-70
Hormati Proses Penentuan Rasmi Tarikh Hari Raya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	71-72
Data Rasmi Anak Bulan Syawal 1443 Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	73-74
Kemungkinan Anak Bulan Kelihatan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan	75-76
Sekiranya Anak Bulan Kelihatan Persatuan Jurufalak Syarie	77-80
Bertembung Antara Hisab dan Rukyah Jabatan Mufti Negeri Selangor	81-83
Anak Bulan Kelihatan di Luar Kriteria Jabatan Mufti Negeri Sembilan	84-86
Anak Bulan Kelihatan di Labuan Jabatan Mufti Negeri Perak	87-90
Perubahan Takwim 1443H Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	91-94
Liputan Berita	95-98

Prakata

Alhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah SWT di atas segala kurniaan nikmatNya. Selawat serta salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat sekalian alam, salam dan sejahtera buat ahli keluarga dan para sahabat baginda SAW.

Tarikh 1 Syawal 1443 di Malaysia akan diingati sebagai tarikh penting dalam sejarah ilmu falak di Malaysia. Raya Aidilfitri 1443/2022 merupakan peristiwa langka. Sejak 30 tahun lalu tarikh 1 Syawal sama seperti yang tercatat di kalendar. Namun ia tidak terjadi pada tarikh Aidilfitri 1443/2022. Raya Puasa tahun 2022 jatuh awal sehari dari jangkanaan awal. Justeru, bab prolog hadir untuk merakamkan latar belakang peristiwa polemik berkaitan isu penentuan tarikh 1 Syawal 1443/2022.

Sebelum itu, tarikh 1 Syawal 1443/2022 berkait rapat dengan penentuan awal Ramadan 1443/2022. Ini kerana penentuan awal Ramadan 1443/2022 akan menentukan tarikh cerapan anak bulan Syawal 1443 (29 Ramadan 1443). Malaysia berpuasa lewat sehari berbanding kebanyakan negara lain. Justeru, persoalan kenapa Malaysia mula berpuasa lewat sehari berbanding negara-negara lain dari perspektif ilmu falak dirincikan dalam bab kedua.

Dalam tempoh umat Islam masih berpuasa, tular isu Malaysia akan menyambut Aidilfitri awal sehari dari jangkanaan awal. Isu ini mendapat liputan meluas media arus perdana dan media sosial. Justeru, dalam buku ini terdapat tiga rencana dari ahli falak yang telah mengulas isu yang dibangkit secara tuntas.

Saban tahun, di akhir Ramadan, hebahan mengenai tarikh melihat anak bulan akan dibuat menerusi radio, televisyen, surat khabar dan medium lain. Sudah tentu yang pasti tarikh hari raya akan jatuh

sehari selepas (ikut kalendar Masihi) atau dua hari selepas tarikh hari cerapan anak bulan. Usaha ini menafikan sama sekali kenyataan bahawa pihak berwajib tidak menjelaskan proses penentuan awal Syawal 1443 kepada masyarakat lebih awal.

Tambahan pula, tahun 2022 agak berbeza, pelbagai pihak yang terlibat dengan urusan penentuan awal bulan Hijriah mengeluarkan kenyataan media khas berkaitan penentuan tarikh 1 Syawal 1443/2022. Ini berikutan maklum balas terhadap kekeliruan berkaitan isu yang ditularkan oleh pihak tertentu. Justeru, kenyataan pihak-pihak berwajib serta kenyataan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebelum tibanya Syawal 1443/2022 dihidangkan dalam buku ini.

Setelah tarikh satu Syawal 1443 diumumkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja jatuh hari Isnin bukannya Selasa, persoalan demi persoalan timbul kenapa perkara tersebut boleh berlaku? Sehubungan itu, kenyataan Jabatan-Jabatan Mufti berhubung persoalan selepas pengumuman tersebut disisipkan dalam buku ini.

Tambahan lagi, tiga rencana/ulasan dari ahli falak yang mengulas dari pelbagai dimensi terhadap penentuan awal Syawal 1443 turut dirakamkan dalam buku ini. Mereka memberikan komentar dan buah fikiran dari sisi pandang yang berbeza mengenai isu ini.

Menyedari penentuan awal raya 1443 merupakan satu sejarah bagi negara Malaysia, monograf ini muncul sebagai medium menghimpunkan kenyataan pelbagai pihak yang berkaitan. Menariknya ia disusun secara kronologi supaya pembaca mendapat gambaran yang jelas seputar isu penentuan hari lebaran 1443/2022. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan buku ini. Semoga bermanfaat untuk semua pembaca.

Wallahu ‘Alam

Penyusun

Biodata Penyumbang

Dato' Dr. Mohd Zambri Zainuddin merupakan Profesor Kehormat Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Fellow Royal Astronomical Society (FRAS) United Kingdom, ahli International Astronomical Union (IAU), Paris, dan Fellow Institute Physics Malaysia (FIPM). Beliau telah memperolehi PhD dalam Instrumentasi Astronomi di Universiti Durham United Kingdom (1983). Beliau pernah berkhidmat di Pusat Pengajian Asasi Sains, Universiti Malaya, Jabatan Fizik, Fakulti Sains, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Beliau telah dilantik Panel Pakar Falak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dulunya dikenali Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam sejak tahun 1999 hingga sekarang. Beliau telah diamanahkan untuk memimpin Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor sebagai Yang Dipertua Persatuan.

Dr. Mustafa Din Subari merupakan seorang Profesor Adjung di Universiti Teknologi Malaysia. Beliau juga adalah mantan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) (2008-2013). Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (1983-2006), dan bersara sebagai Profesor di Fakulti Teknologi dan Informatik Razak pada tahun 2020. Beliau memperolehi Sarjana Muda dalam Ukur Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia (1983), Sarjana Sains Geodesi dari Universiti Ohio State, Amerika Syarikat (1987) dan PhD dalam GPS Surveying dari University of New South Wales, Australia (1996). Beliau telah dilantik sebagai Panel Pakar Falak JAKIM (dulu dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam) sejak tahun 1990 hingga kini.

Dr. Baharrudin Zainal kini merupakan Profesor Madya di Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), dan Pensyarah Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Beliau dilahirkan di Kampung Morten, Melaka, menamatkan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Ukur Tanah pada tahun 1987. Seterusnya, beliau memperolehi Sarjana Sains dalam bidang Astronomi Kalendar di Universiti Sains Malaysia (USM) tahun 2002. Beliau telah menyempurnakan pengajian peringkat PhD di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Falsafah Matematik pada tahun 2009. Beliau banyak menghasilkan penulisan dalam bidang falak dan etnosains.

Shahril Azwan bin Hussin dilahirkan di Sungai Petani Kedah. Beliau menerima pendidikan di Sekolah Kebangsaan Khir Johari, Sekolah Menengah Agama an-Nahdzah Bukit Besar dan Maktab Mahmud Alor Setar. Beliau memperolehi ijazah Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dan ijazah Sains Politik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau kini menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dalam bidang Falak. Beliau bertugas sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Beliau memulakan perkhidmatan sebagai Penolong Pengarah di Unit Falak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bermula Mei 2008 sehingga September 2018. Kemudian berpindah ke Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) sebagai Penolong Mufti bermula September 2019 dan ditugaskan di Unit Falak, Bahagian Fatwa PMWP sehingga sekarang. Beliau juga terlibat dengan aktiviti NGO sebagai bendahari Persatuan Jurufalak Syarie (JUFAS) dan ahli Persatuan Penjejak Gerhana Matahari Malaysia

Dr. Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, berasal dari Gombak. Beliau mendapat PhD dalam al-Hadith (Astronomi Islam) daripada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Master of Letters in Islamic Jerusalem Studies pula diperolehi daripada University of Aberdeen, dan sebelumnya beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Syariah Islamiyyah daripada Universiti Al-Azhar, Damanshour Mesir. Beliau mendapat pengajian awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Gombak (I), sebelum menyambung pengajian ke Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur. Selepas Penilaian Menengah Rendah (PMR), beliau menyambung pengajian ke Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) Klang. Kini beliau merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Pahang. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Pahang.

Dr. Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi berasal dari Baling Kedah. Memperolehi PhD (2014), Sarjana Sains (2011) dan Sarjana Muda Syariah (2006) dari Universiti Malaya. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seberang Ketil, Kupang, dan seterusnya menyambung pengajian peringkat menengah di Maktab Mahmud, Alor Setar. Beliau telah dilantik sebagai Panel Pakar Falak, JAKIM dan Ahli Jawatankuasa Rukyah, Negeri Sembilan. Kini beliau bertugas sebagai Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau telah diamanahkan sebagai Pengerusi Persatuan Jurufalak Syarie (JUFAS).



e ISBN 978-629-97041-0-2

